

Konsep Malaysian Malaysia sebagai Tekanan Politik Mendapatkan Kepentingan Singapura

Malaysian Malaysia Concept as Political Pressure to Obtain Singapore Interests

MUHAMMAD HAFIZ ISA

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: hfzhafiz25@gmail.com

Received: 10 February 2023

Accepted: 25 September 2023

Abstrak

Artikel ini membahaskan matlamat Lee Kuan Yew dalam menggagaskan perjuangan konsep Malaysian Malaysia. Konsep ini memperjuangkan pembinaan negara bangsa bercorak kepelbagaian kaum yang menolak penguasaan sesuatu kaum. Tujuannya adalah untuk membentuk penyatuan seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum sebagai satu bentuk bangsa. Malaysian Malaysia muncul sebagai idea pembinaan negara bangsa yang pertama dalam konteks pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu melibatkan pembentukan bersama wilayah baru. Meskipun konsep Malaysian Malaysia dapat dinilai sebagai sebuah idea ke arah pembinaan negara bangsa. Akan tetapi konsep ini merupakan rentetan konflik politik antara Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur dan pemerintahan Singapura yang diperintah oleh PAP. Konflik politik yang terdapat ini telah mempengaruhi pendekatan Lee Kuan Yew menggagaskan konsep Malaysian Malaysia. Maka, objektif penulisan ini adalah untuk menilai matlamat sebenar yang mempengaruhi tindakan Lee Kuan Yew menggagaskan perjuangan konsep Malaysian Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kajian sejarah dengan melakukan analisis terhadap sumber primer seperti DO 169/527, DO 169/529, DO 169/530 dan DO 169/426. Kajian mendapati bahawa hasrat Lee Kuan Yew menuntut kepentingan Singapura dan kepentingan politik PAP telah mempengaruhi konflik antara Singapura dan Kerajaan Pusat. Konsep Malaysian Malaysia telah digagaskan sebagai bentuk provokasi dan tekanan kepada Kerajaan Pusat agar menerima tuntutan yang memihak kepada Singapura. Dapat diteliti bahawa hasrat Lee Kuan Yew memulihkan kepentingan Singapura secara utamanya merupakan faktor yang membawa kepada konsep Malaysian Malaysia digagaskan.

Kata kunci: Malaysian Malaysia; Lee Kuan Yew; Negara Bangsa; Perhimpunan Setiakawan Malaysia (MSC); Singapura

Abstract

This article discusses about Lee Kuan Yew's goal in initiating the struggle for the concept of Malaysian Malaysia. This concept is set to fight for the construction of a multi-racial nation state and against the dominance of a race. The purpose is to form the unification of all Malaysians which consists of a multiracial community as a one nation. Malaysian Malaysia emerged as the idea of nation-state building which involves the formation of new territories. Although the concept of Malaysian Malaysia is considered as an idea towards the construction of a nation state. In fact, this concept emerged

due to the effects of political conflict between the Central Government in Kuala Lumpur and the government of Singapore which is ruled by the PAP. This political conflict has influenced Lee Kuan Yew's approach to initiate the concept of Malaysian Malaysia. So, the objective of this article is to assess the actual goal which influenced Lee Kuan Yew actions to initiate the struggle of the Malaysian Malaysia concept. This research used a history methodology by analyse the primary sources such as DO 169/527, DO 169/529, DO 169/530 and DO 169/426. The study found that, Lee Kuan Yew's desire to demand the interests of Singapore and the political interests of PAP has influenced the conflict between Singapore and the Central Government. The concept of Malaysian Malaysia as a provocation and pressure on the Central Government in order to agree to the Singapore demands. Lee Kuan Yew's desire to restore Singapore's interests was primarily a factor that led to struggle of the Malaysian Malaysia concept.

Keywords: Malaysian Malaysia; Lee Kuan Yew; Nation Country; Malaysian Solidarity Convention (MSC); Singapore

Pengenalan

Konsep Malaysian Malaysia merupakan reaksi daripada rentetan konflik politik antara PAP (*People's Action Party*) sebagai pemerintah Singapura dengan UMNO yang mendominasi pemerintahan Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Hubungan tidak baik dua pemerintah ini sudah bermula sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia lagi iaitu semasa rundingan pembentukan Malaysia dijalankan. Perbezaan ideologi politik dan dasar pentadbiran juga mempengaruhi pertentangan serta menyukarkan hubungan baik antara pemerintah Singapura dan Kerajaan Pusat. Terdapat tindakan provokasi Lee Kuan Yew berikutan matlamat memulihkan kepentingan Singapura dan rasa kurang senang terhadap dasar pentadbiran Kerajaan Pusat. Matlamat Lee Kuan Yew ini akhirnya membawa kepada tindakan beliau menggagaskan konsep Malaysian Malaysia.

Perjuangan konsep Malaysian Malaysia telah diperkuatkan dengan pembentukan *Malaysian Solidarity Convention (MSC)* yang terdiri daripada kalangan parti politik pembangkang bercorak pelbagai kaum iaitu PAP, UDP, PPP, SUPP dan Machinda. Konsep tersebut diangkat dalam perjuangan MSC bertujuan melahirkan Malaysia berdasarkan konsep berbilang kaum bagi mencapai "*Malaysia yang demokratik dan berbangsa Malaysia*". Secara asasnya, Malaysian Malaysia merupakan sebuah konsep ke arah pembinaan negara bangsa Malaysia dalam membentuk kebersamaan satu bangsa tunggal, bahasa kebangsaan, penolakan politik perkauman dan kesamarataan berdasarkan prinsip demokrasi. Konsep ini dijemakan sebagai idea untuk menyatukan rakyat Malaysia sebagai sebuah bangsa bersandarkan kepada corak pelbagai kaum.¹ Melalui idea ini, Malaysian Malaysia bermatlamat membina sebuah negara bercorak pelbagai kaum dan menolak dominasi sesuatu kaum dengan bersama mengangkat kepentingan kaum lain.² Idea Lee Kuan Yew menggagaskan Malaysian Malaysit dikatakan sesuai dengan pembentukan konsep negara bangsa bagi Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara baru yang memerlukan elemen penyatuan rakyat Malaysia. Namun begitu, perjuangan konsep ini sebenarnya merupakan sebagai bentuk tekanan politik kepada Kerajaan Pusat yang didominasi UMNO. Usaha membentuk tekanan ini secara utamanya dipengaruhi berdasarkan hasrat Lee Kuan Yew yang mahu memulihkan kepentingan Singapura. Timbul pertikaian melibatkan syarat kedudukan Singapura dalam Persekutuan yang tidak dapat diselesaikan semasa rundingan antara pemimpin Tanah Melayu dan Singapura.

Lee Kuan Yew tidak dapat bersetuju dengan beberapa syarat yang ditawarkan Tunku Abdul Rahman. Terdapat syarat melibatkan soal kerakyatan, perlembagaan dan kewangan yang tidak dapat dipersetujui kerana dianggap merugikan kedudukan Singapura. Akan tetapi, pemimpin

PAP itu menghadapi kesukaran untuk berunding dengan Tunku yang tegas dengan pendiriannya mempertahankan tawaran syarat kedudukan Singapura. Malah hasrat untuk membangkitkan kembali pertikaian tersebut juga menghadapi kesukaran dan kebuntuan pada tempoh selepas pembentukan Malaysia. Kesukaran ini akhirnya mendorong Lee Kuan Yew menggagaskan perjuangan konsep Malaysian Malaysia sebagai bentuk provokasi bagi memperkuat tekanan kepada Kerajaan Pusat. Tujuannya adalah bagi mendapatkan kepentingan Singapura dan kepentingan politik PAP. Justeru itu, penulisan ini menjelaskan hubungan perjuangan konsep Malaysian Malaysia dengan matlamat Lee Kuan Yew untuk memulihkan kepentingan Singapura.

Keperluan Memulihkan Kepentingan

Pertikaian terhadap Kedudukan Singapura dalam Persekutuan Malaysia

Persekutuan Malaysia merangkumi pembentukan bersama Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah telah dibentuk pada 16 September 1963. Meskipun begitu, timbul pertikaian disebalik kejayaan pembentukan Malaysia. Pertikaian tersebut melibatkan kedudukan Singapura dalam Persekutuan yang mengundang pandangan tidak berpuas hati dan tidak bersetuju Lee Kuan Yew. Rundingan pembentukan Malaysia melibatkan kedudukan Singapura dianggap tidak dapat membentuk persefahaman dan menyelesaikan pertikaian yang dibangkitkan Lee Kuan Yew. Pemimpin PAP itu tidak dapat bersetuju dengan beberapa syarat yang bersifat merugikan Singapura iaitu melibatkan soal kerakyatan, peraturan kewangan dan percukaian. Beliau merasakan terdapat tekanan daripada pemimpin Kerajaan Pusat untuk bersetuju dengan syarat yang telah ditawarkan. Tekanan diterima Lee Kuan Yew yang harus akur dengan ketegasan Tunku terhadap syarat kedudukan Singapura bagi memastikan pembentukan Malaysia dapat direalisasikan.

Kerajaan Pusat dianggap memberi tekanan untuk menerima syarat yang tidak adil dan penerimaan tersebut dianggap sebagai satu kekalahan kepada Singapura.³ Akan tetapi, Lee Kuan Yew perlu bergantung kepada pembentukan Malaysia bagi menyelamatkan kedudukan politik. Situasi peningkatan pengaruh Barisan Sosialis di Singapura yang mengancam kedudukan politik Lee Kuan Yew dan PAP telah menjadikan idea pembentukan Malaysia sebagai langkah penting yang perlu direalisasikan. Justeru itu, bagi mengelak pertikaian berterusan melibatkan rundingan syarat kedudukan Singapura yang mampu mengganggu rancangan pembentukan Malaysia. Lee Kuan Yew merasakan tempoh selepas pembentukan Malaysia sebagai masa yang sesuai untuk membangkitkan kembali pertikaian mengenai kedudukan Singapura melibatkan soal peraturan kewangan dan percukaian serta perolehan kuasa autonomi.

Lee Kuan Yew tidak pernah bersetuju dengan syarat yang ditawarkan pemimpin Tanah Melayu iaitu menyentuh soal pasaran bersama (*common market*), cukai Singapura dan sumbangan kewangan Singapura kepada kerajaan Persekutuan untuk tabung pembangunan wilayah Borneo.⁴ Antara pertikaian tersebut ialah melibatkan sumbangan sebanyak 40 peratus hasil pendapatan Singapura kepada Kerajaan Persekutuan yang tidak dipersetujui kerana dianggap terlalu tinggi. Begitu juga soal pasaran bersama yang gagal mencapai persetujuan bersama. Dasar Kerajaan Persekutuan berkenaan pasaran bersama dianggap merugikan pembangunan perdagangan dan perindustrian Singapura. Lee Kuan Yew sedar bahawa pemimpin Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu cuba melindungi kepentingan industri tempatan yang turut dibuat bagi melindungi kepentingan perniagaan Cina di sana. Oleh itu, wujud rasa kurang senang Lee Kuan Yew terhadap pemimpin Kerajaan Pusat terutamanya Tan Siew Sin iaitu merupakan pemimpin MCA yang menjawat jawatan Menteri Kewangan. Pemimpin Singapura itu menyifatkan MCA dan kumpulan perniagaan Cina di Tanah Melayu mahu melakukan kawalan ke atas ekonomi Singapura.⁵ Akan tetapi, Lee Kuan Yew tidak berjaya mempengaruhi Tunku

dan pemimpin Tanah Melayu agar dapat mempertimbangkan kembali syarat yang tidak merugikan Singapura.

Pertikaian mengenai peraturan kewangan ini merupakan masalah yang tidak pernah diselesaikan sejak sebelum pembentukan Malaysia. Malah kepentingan Singapura dianggap terus terganggu setelah pembentukan Malaysia. Rasa kurang senang terhadap Tan Siew Sin berterusan apabila Menteri Kewangan Kerajaan Pusat ini mencadangkan dua bentuk percukaian baru kepada Singapura pada 25 November 1964. Garis panduan percukaian baru mencadangkan kenaikan hasil pendapatan Singapura kepada Kerajaan Pusat iaitu daripada 40 peratus meningkat kepada 60 peratus. Cadangan ini dibantah dan timbul rasa kurang senang secara berterusan terhadap dasar Kerajaan Pusat yang dianggap sering merugikan Singapura. PAP menolak kerana peraturan baru ini akan memberi kesan besar kepada syarikat-syarikat perniagaan dan perbelanjaan ekonomi di Singapura. Pembaharuan percukaian turut melibatkan kadar sebanyak dua peratus cukai daripada pendapatan syarikat, pendapatan pengusaha perniagaan dan perniagaan rumah ke rumah di Singapura.⁶ Lee Kuan Yew tidak mahu membiarkan Singapura menerima kesan negatif akibat daripada syarat kedudukan kewangan yang merugikan. Bukan itu sahaja, syarat kedudukan Singapura yang merugikan juga mahu dipulihkan bagi menutup ruang kritikan yang dilemparkan parti pembangkang di Singapura. Seterusnya, bertujuan menjamin kedudukan dan kepentingan politik PAP di Singapura.

Kepentingan Politik Lee Kuan Yew dan PAP

Rundingan pembentukan Malaysia yang disifatkan tidak menguntungkan Singapura telah mendedahkan kelemahan Lee Kuan Yew dan PAP. Keadaan ini telah membuka ruang kritikan kepada kepimpinan PAP yang dianggap gagal mempertahankan kepentingan rakyat Singapura. Kelemahan tersebut mendorong Lee Kuan Yew membangkitkan kembali pertikaian berkaitan kedudukan Singapura yang dibuat bukan sahaja bagi memulihkan kepentingan Singapura semata. Tetapi sebagai langkah memulihkan pandangan rakyat Singapura dan meningkatkan kembali kepercayaan kepada PAP.⁷ Sekaligus berusaha menutup ruang kritikan parti pembangkang terutamanya Barisan Sosialis yang menggunakan peluang ini untuk menyerang kepimpinan Lee Kuan Yew. Kelemahan Lee Kuan Yew mempertahankan kepentingan ekonomi dan kewangan Singapura telah menimbulkan kritikan daripada Barisan Sosialis, "*The Barisan berated me for having sold out Singapore and said that my 'sham concern' for state finances could not deceive the public*".⁸

Barisan Sosialis turut mengkritik syarat kerakyatan terhad melibatkan kedudukan Singapura dalam Malaysia yang diterima oleh Lee Kuan Yew. Parti pembangkang menjadikan perkara tersebut sebagai isu yang menyifatkan kelemahan Lee Kuan Yew.⁹ Kritikan ditimbulkan Barisan Sosialis yang mendakwa rakyat Singapura telah dijadikan sebagai warganegara kelas kedua di Malaysia yang akan menerima layanan berbeza. Lebih pula, Barisan Sosialis telah membandingkan syarat kedudukan Sabah dan Sarawak yang menerima kerakyatan penuh dan autonomi bagi beberapa bidang berbanding Singapura yang menerima syarat kerakyatan terhad. Pemimpin Barisan Sosialis, Lee Siew Choh mengecam Lee Kuan Yew kerana gagal mempertahankan kepentingan rakyat Singapura. Pemimpin PAP itu juga disifatkan bertanggungjawab mengorbankan hak Singapura "*for illusory autonomy in labour and education*".¹⁰ Secara hakikatnya Lee Kuan Yew sememangnya tidak bersetuju dengan bentuk kerakyatan yang ditawarkan. Namun begitu, usahanya untuk berunding tidak berjaya mempengaruhi keputusan Tunku yang bertegas mempertahankan tawaran syarat kedudukan Singapura ini.¹¹

Berdasarkan syarat kerakyatan terhad ini, penduduk Singapura tidak dibenarkan terlibat sebagai calon dan pengundi dalam pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi tidak dibatasi untuk menikmati status kerakyatan yang lain seperti bebas bergerak keluar masuk ke negeri-negeri

Tanah Melayu. Kerakyatan terhad ini hanya membataskan penglibatan politik penduduk Singapura di Tanah Melayu yang dirangka bertujuan melindungi dominasi politik Melayu daripada dominasi orang Cina. Syarat sebegini hanya dikenakan kepada Singapura sahaja tanpa melibatkan kepada kedudukan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia. Justeru itu, Barisan Sosialis telah membuat perbandingan mengenai perkara ini dan mengkritik seolah terdapat dua bentuk kerakyatan bagi Persekutuan Malaysia. Namun begitu, Lee Kuan Yew mengakui sukar untuk menerima syarat kerakyatan terhad dan beberapa syarat melibatkan kedudukan Singapura.¹² Pandangan tidak bersetuju juga melibatkan peruntukan bilangan kerusi parlimen Singapura.¹³

Kejayaan PAP memenangi Pilihan Raya Singapura tahun 1963 yang diadakan pada 21 September tidak membuatkan Lee Kuan Yew berasa selesa. Beliau mahu memastikan kedudukan PAP benar-benar kukuh di Singapura meskipun berjaya memenangi sebanyak 37 daripada 51 keseluruhan kerusi dalam pilihan raya.¹⁴ Sementara itu, kejayaan PAP mengukuhkan kedudukan di Singapura ini seterusnya memberi keyakinan kepada Lee Kuan Yew yang mempunyai cita-cita besar untuk mengembangkan pengaruhnya ke Persekutuan Tanah Melayu.¹⁵ Lee Kuan Yew dinilai sebagai seorang ahli politik yang bercita-cita besar dan tidak hanya mahu berada dalam lingkungan politik Singapura. Beliau memiliki cita-cita mengembangkan pengaruh politiknya secara lebih meluas untuk dilihat sebagai pemimpin nasional. Menurut dokumen diplomat New Zealand di Malaysia mencatatkan, *“he has looked more like the national opposition leader or even the Prime Minister of an independent sovereign government than the chief executive officer of one state, albeit the most important, in the federation”*.¹⁶

Perbezaan Pandangan Dalam Dasar Pentadbiran

Lee Kuan Yew di Singapura memiliki ideologi politik dan dasar pentadbiran yang berbeza dengan Tunku sebagai Perdana Menteri Kerajaan Persekutuan. Wujud pertentangan idea politik antara dua pemimpin ini iaitu Tunku yang merupakan golongan aristokrat memiliki kecenderungan ke arah idea konservatif dan mempertahankan politik komunal. Manakala Lee Kuan Yew pula berpegang kepada ideologi demokrasi sosialis yang menolak perbezaan kelas dengan memperjuangkan prinsip kesamarataan dan menolak politik komunal.¹⁷ Berdasarkan kepimpinan, Lee Kuan Yew disifatkan *“Lee is par excellence the socialist intellectual who has risen from modest beginnings”*.¹⁸ Perkara ini mempengaruhi perbezaan pandangan politik dan dasar pemerintahan antara PAP di Singapura dan Kerajaan Pusat.

Terdapat percanggahan pandangan yang menimbulkan pertikaian terutamanya melibatkan dasar pentadbiran dalam ekonomi. Pertikaian ditimbulkan Lee Kuan Yew terhadap dasar pentadbiran Kerajaan Pusat yang dapat memberikan kesan kepada Singapura. Pertikaian tidak hanya melibatkan peraturan kewangan dan percukaian Singapura dalam perjanjian Persekutuan. Terdapat isu-isu lain setelah pembentukan Malaysia yang menimbulkan pertikaian dan tidak setuju PAP terhadap keputusan Kerajaan Pusat berkaitan kepentingan ekonomi Singapura. Antara isu yang timbul ialah arahan Kerajaan Pusat untuk menutup Pejabat Konsulat Afrika Selatan, *Bank of China* dan Bank Negara Indonesia di Singapura. Arahan tersebut menimbulkan bantahan pemimpin PAP terutamanya Menteri Kewangan Singapura iaitu Goh Kheng Swee. Beliau mempertahankan pendirian kerajaan Singapura membenarkan operasi dua perbankan ini iaitu sebagai simbol bagi Singapura yang bebas menjalankan urusan ekonomi kewangan. Sedangkan Tunku memiliki pandangan kritikal terhadap operasi *Bank of China* dan Bank Negara Indonesia di Singapura. Kedua-dua bank ini sudah dihentikan operasinya di Kuala Lumpur seiring dengan dasar hubungan terhadap dua buah negara ini berikutan pendirian anti-komunis oleh Tunku dan konfrontasi Indonesia.¹⁹ Selain itu, Tunku turut mengarahkan penutupan Pejabat Konsulat Afrika Selatan yang masih beroperasi di Singapura. Beliau merupakan

antara pemimpin utama yang memainkan peranan menyingkirkan Afrika Selatan daripada badan persidangan Perdana Menteri komanwel atas dasar tidak bersetuju dengan amalan apartheid di Afrika Selatan. Maka adalah tidak wajar untuk Tunku menerima kehadiran Pejabat Konsulat Afrika Selatan di Singapura yang merupakan sebahagian daripada Persekutuan Malaysia.

Pertikaian dan pandangan tidak bersetuju yang wujud tidak hanya kerana kebimbangan terhadap sebarang dasar pentadbiran yang dapat merugikan Singapura. Malah tidak teragak untuk menyatakan bahawa Lee Kuan Yew tidak memiliki keyakinan terhadap dasar pentadbiran Tunku. Terutamanya melibatkan dasar ekonomi dan sosial Kerajaan Pusat, Lee Kuan Yew dalam ucapannya menjelaskan, “... if it can be shown that they support an economic and social policy similar to that of Singapore, it will give us added strength in convincing the UMNO leadership that this policy should be adopted for Malaya”.²⁰ Secara hakikatnya, pandangan tidak bersetuju terhadap dasar Kerajaan Pusat merupakan antara faktor mendorong penyertaan PAP dalam politik pilihan raya ini. Frank Mills iaitu pegawai Penasihat Suruhanjaya Tinggi British di Singapura menjelaskan pandangan tersebut, “he (Lee) would try to influence the central if he was given a bigger say in their policies” dalam mempengaruhi dasar Kerajaan Pusat melibatkan pembangunan ekonomi.²¹ PAP berusaha untuk mempengaruhi Kerajaan agar dapat melaksanakan dasar yang dianggap betul dan dipersetujui Singapura. Lee Kuan Yew menganggap dasar ekonomi dan sosial yang diamalkan di Singapura perlu dijadikan contoh kerana berkesan menutup jurang pendapatan antara masyarakat. Pemimpin PAP itu menolak dasar percukaian Kerajaan Pusat dinyatakan tidak berfungsi untuk mengatasi masalah jurang pendapatan.

Usaha Memulihkan Kepentingan

Usaha Meletakkan PAP dalam Kerajaan Pusat (Penyertaan Pilihan Raya Persekutuan 1964)

Pertikaian terhadap syarat kedudukan Singapura dalam Persekutuan dan perbezaan pandangan dasar pentadbiran telah mendorong Lee Kuan Yew mempertahankan semula kepentingan. Beliau enggan membiarkan Singapura berada dalam kedudukan tidak menguntungkan. Apa lagi kedudukan Singapura yang merugikan itu turut memberi kesan kepada kepentingan politik dirinya sebagai pemimpin PAP. Berdasarkan matlamat ini, didapati bahawa usaha mempertahankan kepentingan Singapura hanya dapat dibuat dengan meletakkan kedudukan PAP sebagai sebahagian daripada Kerajaan Pusat. Akan tetapi, terdapat kesukaran kerana PAP tidak memiliki jumlah wakil yang mencukupi dalam parlimen persekutuan. Sebaliknya, sebanyak 12 wakil kerusi PAP daripada Singapura tidak mampu mempengaruhi sebarang dasar diperingkat persekutuan yang menguntungkan Singapura. Kesukaran juga dihadapi kerana Lee Kuan Yew tidak mempunyai rakan dalam kalangan pemimpin Kerajaan Pusat yang mampu menyokong kepentingannya.²² Oleh itu, keputusan menyertai Pilihan Raya Persekutuan 1964 telah diambil sebagai langkah untuk meletakkan pengaruh PAP dalam Kerajaan Pusat. Lee Kuan Yew menyuarakan pandangan mengenai perkara ini:

*Indeed, it is a truth, which has to be faced by whichever political movement that wishes to win authority and the right to reshape the structure of our economy and our society, that we must first win the majority of the number of seats in parliament, the parliament of Malaysia, and command a loyalty of the administration and the obedience of the Army and the Police.*²³

Hal demikian berdasarkan kepentingan kedudukan politik diperingkat Persekutuan di Tanah Melayu yang merupakan pusat kuasa politik kerajaan Persekutuan Malaysia. Pendekatan meletakkan kedudukan wakil PAP dalam politik Persekutuan mampu membenarkan kepentingan Singapura terjamin. Namun begitu, penyertaan dalam pilihan raya ini disebut tidak berhasrat untuk mencabar Tunku dan Perikatan. Sebaliknya PAP menawarkan hasrat untuk menggantikan MCA dalam Perikatan dan membentuk kerjasama dengan UMNO dalam menghadapi pilihan raya. Hasrat tersebut diumumkan secara rasmi oleh Pengerusi PAP iaitu Toh Chin Chye 1 Mac 1964. Pengumuman ini menjelaskan, *"It was the purpose of the PAP to cooperate with the Central Government and with the United Malay National Organisation to help Malaysia succeed"*.²⁴ Pendekatan ini sebagai langkah meletakkan PAP berada sebahagian dalam Kerajaan Pusat bersama UMNO. Pada tempoh ini, Lee Kuan Yew mahu mengambil pendekatan terbaik dengan menawarkan kerjasama berbanding memberikan tentangan kepada UMNO. Beliau menyedari keadaan politik di negeri-negeri Tanah Melayu iaitu memiliki majoriti orang Melayu yang tidak memberikan kelebihan kepada PAP untuk mencabar UMNO. Pemimpin PAP sedar akan kekuatan dimiliki UMNO yang memiliki sokongan besar orang Melayu terutamanya dikawasan luar bandar.²⁵ Sehubungan itu, menawarkan kerjasama bersama UMNO merupakan langkah sesuai dengan menggabungkan kekuatan yang dimiliki dua parti ini.

PAP berusaha menonjolkan keperluan penglibatan pilihan raya terutamanya bagi UMNO menerima tawaran untuk bekerjasama. Hasrat membantu UMNO melaksanakan dasar pentadbiran merupakan matlamat utama PAP untuk terlibat dalam pilihan raya ini. Lee Kuan Yew mahu memastikan Kerajaan Pusat melaksanakan dasar yang dianggap betul bagi PAP dan tidak merugikan Singapura. Lee Kuan Yew menyatakan bahawa UMNO telah berjaya membawa Persekutuan Tanah Melayu secara baik dalam tempoh tujuh tahun selepas merdeka. Tetapi, pembentukan Malaysia telah mewujudkan keadaan berbeza yang menuntut penyesuaian baru. Kehadiran PAP disifatkan mampu menawarkan kelebihan kepada dasar ekonomi. Lee Kuan Yew ketika ucapan kempennya menyatakan objektif, *"then to persuade UMNO to adopt an economic and taxation policy which would close the gap between the haves and the have nots, both rural and urban"*.²⁶ Beliau bersungguh menguar-uarkan kelebihan PAP yang mampu memberi kebaikan kepada Kerajaan Pusat. Kelebihan kerjasama ini dijelaskan, *"as result of this intervention that the UMNO leaders would recognize that they had to come to terms with the PAP and give them a good deal more say in the policy of the central government"*.²⁷ Sementara itu, Lee Kuan Yew telah melancarkan serangan kepada MCA. Dalam kempennya, amalan rasuah didakwa berlaku dalam MCA dan kepimpinan parti itu dikritik tidak berupaya membentuk dasar ekonomi dan kewangan yang efektif. Serangan Lee Kuan Yew ini didorong berdasarkan usaha mempengaruhi Tunku secara berterusan agar PAP dapat menggantikan MCA dalam Perikatan.²⁸ Lee Kuan Yew mahu menggantikan peranan MCA dalam kerajaan terutamanya bagi menggantikan Tan Siew Sin sebagai Menteri Kewangan Kerajaan Pusat. Hasrat tersebut disuarakan, *"Lee said that if Goh Keng Swee could replace Tan Siew Sin as Minister for Finance, he himself would be prepared to accept any portfolio from Minister for External Affairs downwards!"*²⁹ Namun begitu, tawaran kerjasama yang ditawarkan PAP ini tidak dapat diterima oleh pemimpin UMNO.³⁰

Pendekatan PAP yang mahu mewujudkan perhubungan baik bersama pemimpin Kerajaan Pusat tidak terus digugurkan meskipun UMNO menolak kerjasama yang ditawarkan. Sebaliknya PAP tetap meneruskan penglibatan dalam pilihan raya, selaras dengan perancangan meletakkan kedudukan PAP diperingkat pusat bagi memulihkan kepentingan Singapura. Lee Kuan Yew hanya meletakkan sebanyak 9 calon dan berharap mampu memenangi semua kerusi yang ditandingi. Pendekatan meletakkan calon yang sedikit dianggap memadai bagi menunjukkan kekuatan PAP. Seterusnya menyampaikan isyarat kepada Tunku agar menyingkirkan MCA dan membolehkan kerjasama bersama PAP dengan terdapat lantikan pemimpin parti itu ke dalam kabinet.³¹ Lee Kuan Yew dalam

kenyataannya sering menguarkn kepentingan PAP dalam membantu Kerajaan Pusat:

*On the other hand, if Kuala Lumpur by their policies heighten the tempo, politically towards a more integrated nation, economically towards a more equal society, then much more progress can be made in Singapore and other States... In other words, we must help Kuala Lumpur to succeed in order that we may succeed even more.*³²

Dalam mengangkat kelebihan PAP, matlamat sebenar berada sebahagian dalam Kerajaan Pusat adalah untuk menilai semula kedudukan Singapura dalam Perjanjian Malaysia agar lebih menguntungkan wilayah itu.³³ Penglibatan PAP yang meneruskan penglibatan dianggap sebagai langkah penting bagi memastikan kedudukan Singapura di dalam Malaysia tidak mengalami kerugian atau tenggelam dengan dasar yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pusat.³⁴ Keputusan meneruskan penglibatan dalam pilihan raya sebagai keputusan tepat dengan disebutkan oleh Lee Kuan Yew, “*only by showing our power can we persuade the old boy to do business with us*”.³⁵ Walau bagaimanapun, PAP tidak berjaya mendapat keputusan memberangsangkan dalam Pilihan Raya Persekutuan 1964 iaitu hanya mencatatkan satu kemenangan daripada 9 buah kerusi yang disertai.³⁶

Mendapatkan Kepentingan melalui *Political Disengagement*

Political Disengagement adalah usaha membentuk perdamaian dan persefahaman politik antara PAP di Singapura dan Kerajaan Pusat. Usaha ini dirangka sekurangnya bagi mencapai perdamaian atau juga disebut “gencatan” politik sekurangnya bagi tempoh sementara waktu setelah berlaku rusuhan kaum di Singapura. Juga diharapkan dapat menilai prospek kerjasama “*for continued cooperation into 1965 will undoubtedly be much enhanced*”.³⁷ Ketegangan konflik politik antara PAP dan Perikatan terutamanya UMNO berada ditahap membimbangkan kerana telah mengheret bersama isu perkauman sehingga mencetuskan rusuhan kaum melibatkan orang Melayu dan Cina di Singapura pada 21 Julai 1964.³⁸

Pendekatan PAP menyertai pilihan raya Persekutuan telah mencetuskan kemuncak kepada konflik politik antara parti itu dengan UMNO. Penyertaan dalam pilihan raya Persekutuan telah dilihat sebagai langkah mencabar kedudukan Perikatan sebagai Kerajaan Pusat dan mampu mengancam kedudukan politik Melayu di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu.³⁹ Meskipun tidak mendapat kejayaan yang baik dalam pilihan raya Persekutuan dengan hanya mencatatkan satu kemenangan daripada 9 buah kerusi yang disertai.⁴⁰ Kebimbangan tetap timbul berikutan potensi besar PAP dalam menerima sokongan daripada orang bukan Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Kenyataan tersebut dapat dilihat berdasarkan isu yang digunakan PAP ketika kempen pilihan raya Persekutuan yang berusaha menonjolkan pengaruhnya dalam kalangan penduduk bukan Melayu di kawasan bandar terutamanya dalam menonjolkan peranan untuk mengangkat kepentingan orang Cina. Terdapat pandangan bahawa penyertaan PAP dalam pilihan raya ini adalah tidak lebih seperti sebuah parti komunal Cina yang mampu mengganggu keharmonian kaum di Malaysia.⁴¹ Timbul kekecewaan dikalangan pemimpin utama UMNO kerana terdapat perjanjian antara Lee Kuan Yew dan Tunku yang menyatakan persetujuan untuk tidak mencampuri politik di Persekutuan.⁴² Seterusnya, Lee Kuan Yew harus bersetuju mengiktiraf kedudukan orang Melayu sebagai kaum dominan dalam Kerajaan Pusat sehingga tahun 1969.⁴³ Tindakan Lee Kuan Yew terlibat dalam pilihan raya Persekutuan bersama ancaman yang dibawa ini telah mencetuskan reaksi serangan balas daripada sekumpulan pemimpin UMNO yang berusaha menghalang hasrat pemimpin PAP itu mengembangkan pengaruh politik di Persekutuan Tanah Melayu.

Berakhirnya pilihan raya 1964, serangan anti PAP dan anti Lee Kuan Yew digerakkan UMNO melalui langkah melemahkan kedudukan PAP di Singapura. Langkah ini juga dalam masa sama dibuat bagi meningkatkan imej cawangan UMNO di Singapura iaitu SUMNO untuk berusaha meraih kembali sokongan orang Melayu Singapura. Walau bagaimanapun, kempen serangan ini telah membuka ruang permusuhan antara kaum terutamanya melibatkan kaum Melayu dan Cina di Singapura. Konflik politik melibatkan PAP dan Kerajaan Pusat yang mengheret isu perkauman ini akhirnya mencetuskan rusuhan kaum melibatkan orang Melayu dan Cina di Singapura pada 21 Julai 1964.⁴⁴ Justeru itu, idea mewujudkan perdamaian politik dicadangkan sebagai usaha mententeramkan ketegangan kaum yang meningkat sehingga menjejaskan keharmonian antara kaum. Dalam hal ini, *political disengagement* telah dirancang bagi membentuk perdamaian dan persefahaman politik antara PAP di Singapura dan UMNO yang menguasai Kerajaan Pusat.

Kedua pihak bersetuju untuk berusaha membentuk sebuah persefahaman bagi tujuan perdamaian politik (*political truce*) atau *political disengagement* bagi tempoh sementara waktu. Tempoh bertenang diusahakan oleh kedua-dua pemimpin bagi mengelak sebarang lanjutan konflik. Persetujuan tersebut tercapai melalui pertemuan melibatkan Tunku dan rakan pemimpin tertinggi Kerajaan Pusat bersama Lee Kuan Yew, Toh Chin Chye dan Lim Kim San di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 September. Pertemuan ini membincangkan usaha bersama mengadakan tempoh bertenang "*cooling off*" untuk suatu tempoh. Namun begitu terdapat perbezaan mengenai tempoh masa perdamaian yang diperkatakan. Terdapat laporan mengatakan bahawa Lee Kuan Yew dan Tunku masing-masing menyebut tempoh selama satu hingga tiga bulan.⁴⁵ Selain itu, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur J.R.A. Bottomley melaporkan tempoh tersebut selama satu tahun tiga bulan. Lee Kuan Yew pula dalam penulisannya menyatakan tempoh selama dua tahun.⁴⁶ Walau bagaimanapun, usaha ini sebenarnya tidak berjaya mencapai penyelesaian biarpun hanya tempoh sementara waktu. Usaha rundingan pula menghadapi kesukaran dan menemui jalan buntu berikutan tindakan Lee Kuan Yew menggunakan *political disengagement* untuk mendapatkan kepentingan Singapura. Terdapat provokasi yang dicetuskan Lee Kuan Yew bukan sahaja sering mengganggu perjanjian *disengagement*. Malah tindakan provokasi ini turut menambahkan lagi ketegangan konflik antara dua belah pihak.

Pada Oktober 1964, perjanjian persefahaman politik atau *disengagement* telah dibentuk melibatkan 4 persetujuan utama. Perjanjian persefahaman tersebut ialah:

1. Singapura perlu mengelak daripada menyentuh isu perkauman yang boleh memalukan Kerajaan Pusat.
2. Singapura perlu berhenti mengembangkan cawangan PAP di Tanah Melayu.
3. Singapura menerima rancangan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Keamanan dikawasan hitam di Singapura berikutan peristiwa rusuhan kaum yang dipengerusikan oleh pegawai polis tanpa penglibatan sebarang ahli politik.
4. Tunku bersetuju mengawal akhbar Utusan Melayu supaya tidak mengeluarkan kenyataan berbaur provokasi kepada PAP.⁴⁷

Pesuruhjaya Tinggi British, Lord Head melaporkan perjanjian ini tidak dibuat secara bertulis.⁴⁸ Walau bagaimanapun usaha persefahaman yang dibentuk ini terganggu berikutan pandangan tidak bersetuju Lee Kuan Yew terhadap langkah Tan Siew Sin yang mencadangkan pelaksanaan dua bentuk percukaian baru kepada Singapura pada 25 November 1964. Garis panduan percukaian baru mahu dilaksanakan bertujuan meningkatkan pendapatan Kerajaan Pusat dengan menuntut kenaikan hasil pendapatan Singapura kepada Kerajaan Pusat iaitu daripada 40 peratus kepada 60 peratus.⁴⁹ Lee Kuan Yew yang sebelum ini begitu kritikal soal peraturan kewangan Singapura dan Kerajaan

Pusat tidak teragak untuk membantah bentuk peraturan terbaru tersebut. PAP menolak kerana peraturan baru ini akan memberi kesan besar kepada syarikat-syarikat perniagaan dan perbelanjaan ekonomi di Singapura. Penolakan pemimpin PAP membuatkan cadangan pelaksanaan percukaian baru ini ditangguh terlebih dahulu dan Kerajaan Pusat bersetuju untuk melakukan semakan semula.⁵⁰ Meskipun begitu, Lee Kuan Yew tetap tidak berpuas hati kerana menyifatkan tindakan tersebut sebagai satu bentuk ancaman daripada Kerajaan Pusat untuk mengawal ekonomi Singapura. Keadaan ini menimbulkan rasa kurang senang Lee Kuan Yew yang menimbulkan kritikan kepada Kerajaan Pusat dan serangan berbentuk anti MCA.⁵¹

Berikutan ketidakpuasan hati Lee Kuan Yew itu, penyusunan semula kedudukan Singapura dalam Persekutuan dicadangkan sebagai langkah menyelesaikan sebarang ketegangan dan konflik berterusan antara Kuala Lumpur dan Singapura. Pemimpin Kerajaan Pusat bercadang untuk menyusun semula perlembagaan bertujuan menjadikan Singapura sebagai negeri terpisah dalam Malaysia. Cadangan ini dipersetujui Menteri Keselamatan Dalam Negeri iaitu Dr. Ismail berdasarkan peningkatan konflik politik yang telah mempengaruhi perkembangan ekstremis perkauman.⁵² Tunku mengemukakan cadangan, *“My idea was that Singapore should handle her own domestic financial, economic and social affairs, but the Central (federal) government would retain the ultimate levels of power; namely, Defence and Internal Security”*.⁵³ Lee Kuan Yew bersetuju dengan perolehan penuh Singapura terhadap bidang kuasa kewangan, hal ehwal ekonomi dan sosial. Tetapi pemimpin Singapura itu turut mengemukakan tuntutan lain iaitu perolehan kuasa tersendiri terhadap bidang kuasa keselamatan dan kawalan polis, serta lantikan wakil Singapura dalam kabinet Kerajaan Pusat. Lee Kuan Yew menjelaskan tuntutan ini ditimbulkan bagi mengangkat semula pertikaian melibatkan kedudukan Singapura yang tidak pernah diselesaikan iaitu melibatkan soal kewangan dan bidang kuasa keselamatan dalaman.⁵⁴

Perkara melibatkan kepentingan Singapura ini sememangnya menjadi perhatian Lee Kuan Yew untuk disemak semula sejak pembentukan Malaysia. Disebabkan cadangan bentuk percukaian baru telah dianggapnya lebih menjauhkan usaha mendapatkan kepentingan Singapura. Maka, beliau membuat tuntutan lain sebagai timbal balas dan menunjukkan reaksi tidak bersetuju terhadap Kerajaan Pusat. Akan tetapi, tuntutan ini telah menambahkan lagi konflik dan masalah sedia ada yang masih tidak diselesaikan. Tuntutan perolehan bidang kuasa kepada Singapura melibatkan soal keselamatan dan kawalan polis ini pula tidak dipersetujui Dr. Ismail. Beliau tidak dapat berkompromi dengan tuntutan tersebut dan hilang sabar dengan sikap Lee Kuan Yew. Meskipun pada sebelum ini Dr. Ismail merupakan pemimpin yang optimis terhadap peluang kerjasama dengan Lee Kuan Yew. Tetapi pandangannya mula berubah, *“Ismail felt that he had been let down by Lee in front of his more sceptical colleagues, who jeer at him for supposing that Lee will ever stand by his side of a bargain”*.⁵⁵

Seterusnya, terdapat sekali lagi rundingan persefahaman politik bagi mencapai *disengagement* antara pemimpin PAP dan Kerajaan Pusat dalam menyelesaikan konflik politik. Rundingan secara sulit melibatkan pemimpin Kerajaan Pusat dan Singapura seterusnya berlaku pada Februari 1965. Pada tahap awal, Tun Razak, Dr. Ismail dan Tan Siew Sin telah mencadangkan:

1. Kerajaan Pusat akan mengekalkan tanggungjawab hal ehwal luar, pertahanan dan beberapa aspek keselamatan khususnya berkaitan dengan pertahanan, dengan ini Singapura diberikan hak berkerajaan sendiri.
2. Kemajuan pasaran bersama (*common market*) bagi Malaysia akan berterusan berdasarkan perjanjian kewangan antara Kerajaan Pusat dan Singapura.

3. Memandangkan Singapura tidak lagi mempunyai perwakilan dalam Parlimen, maka akan dibentuk satu badan tertinggi baru yang diwakili oleh Singapura untuk membincangkan dasar utama berkaitan kepentingan bersama.
4. Membentuk jentera dan program keharmonian bertujuan membawa penglibatan Singapura dalam Malaysia.⁵⁶

Walau bagaimanapun, Tunku mengubah cadangan ini setelah menerima nasihat daripada Tun Razak dan Dr. Ismail. Dua pemimpin ini mahu mengekalkan kedudukan wakil kerusi Singapura dalam parlimen Malaysia dengan membenarkan untuk bercakap melibatkan soal pertahanan dan hal ehwal luar. Selain itu, Tunku juga menyatakan hasrat untuk meneruskan sistem pasaran bersama.

Akan tetapi, tindakan Lee Kuan Yew yang tetap menuntut perolehan bidang kuasa kawalan keselamatan dalam negeri dan hak lebih besar terhadap kutipan cukai pendapatan Singapura sekali lagi tidak dapat diterima. Tuntutan Lee Kuan Yew tidak dapat diterima terutamanya melibatkan penyerahan hak kawalan keselamatan sepenuhnya kepada Singapura.⁵⁷ Meskipun PAP menawarkan untuk menarik diri daripada terlibat dalam politik diperingkat persekutuan sebagai balasan.⁵⁸ Pendirian Tunku enggan melayan sepenuhnya kehendak Singapura menyebabkan Lee Kuan Yew meneruskan serangan terhadap Kerajaan Pusat.

Setelah menghadapi kesukaran untuk berada sebahagian dalam Kerajaan Pusat bagi mendapatkan kepentingan Singapura. Usaha *disengagement* dilihat sebagai langkah penting untuk memperoleh kepentingan Singapura. Oleh sebab itu, Lee Kuan Yew terus berusaha mewujudkan tekanan kepada Kerajaan Pusat bagi memastikan matlamatnya tercapai melalui *disengagement* yang memberi kepentingan kepada Singapura. Dalam hal ini, tekanan ditimbulkan dengan melakukan provokasi yang menyentuh soal sensitiviti orang Melayu dan mengkritik dasar Kerajaan Pusat sehingga menyebarkan tanggapan salah ke negara luar. Tindakan tersebut mencetuskan konflik politik dan ketegangan antara kaum kerana terdapat kebimbangan orang Melayu. Oleh sebab itu, Tunku masih lagi optimis terhadap peluang untuk membentuk persefahaman melalui *disengagement*. Meskipun rundingan sebelum ini terganggu berikutan pendirian Lee Kuan Yew yang mahu menuntut hak autonomi yang lebih besar untuk Singapura terutama sekali bagi mendapatkan hak kawalan penuh terhadap keselamatan dalaman Singapura.⁵⁹ Tunku pada 2 Mac 1965 telah menyuarakan kesediaan kepada Lee Kuan Yew untuk sekali lagi berunding mengenai penyusunan kembali bidang kuasa negeri dan persekutuan melibatkan Singapura dan Kerajaan Pusat.⁶⁰

Selain tuntutan autonomi sepenuhnya melibatkan ekonomi dan bidang kuasa kewangan negeri kepada kerajaan Singapura. Pendekatan Lee Kuan Yew menuntut hak kawalan penuh terhadap keselamatan dalaman Singapura dan kawalan polis adalah penting bagi mengurangkan kawalan Pusat dan mengelak kemungkinan perintah darurat daripada Kerajaan Pusat yang mampu mengancam kedudukan PAP. Ketika rundingan Lee Kuan Yew bersama Tunku pada 15 April 1965, pemimpin PAP itu telah menuntut dua bentuk persefahaman *disengagement* iaitu mahukan pembukaan pasaran saham bersama dan tanggungjawab sepenuhnya kepada Singapura bagi soal kawalan keselamatan dalam negeri. Namun begitu, pertemuan ini juga tidak berjaya mencapai sebarang bentuk persefahaman antara kedua belah pihak.⁶¹ Keadaan tersebut dipengaruhi oleh pendirian Tan Siew Sin dan Dr. Ismail yang menentang penyerahan bidang kuasa lebih luas melibatkan soal kewangan dan keselamatan dalam negeri.⁶²

Kebuntuan mencapai bentuk persefahaman baru dalam pertemuan pada 15 April 1965 menyebabkan tiada lagi usaha *disengagement politic* dilakukan oleh kedua belah pihak. Dapat dirumuskan bahawa berlaku sebanyak 3 fasa dalam usaha mewujudkan *disengagement* antara Kerajaan Pusat dan PAP yang bermula sejak September 1964. Perjanjian persefahaman yang direncana sebelum ini sebaliknya terganggu sehingga memaksa lagi usaha *disengagement* bagi mencapai bentuk

persefahaman baru yang diadakan pada Februari 1965 dan diakhiri dengan pertemuan pada April. Pertemuan pada April itu juga gagal membawa sebarang bentuk persefahaman baru. Sepanjang tempoh ini, Lee Kuan Yew berusaha untuk mendapatkan bentuk *disengagement* yang dapat memberi kelebihan kepada Singapura. Lebih pula, usaha awal sebelum ini melalui langkah meletakkan penglibatan PAP dalam pemerintahan Kerajaan Pusat tidak berjaya dicapai. Maka, *disengagement* dilihat sebagai alternatif kepada Lee Kuan Yew untuk mencapai matlamat tersebut. Malah kesempatan ini digunakan dengan membangkitkan semula perkara yang tidak dipersetujui semasa sebelum pembentukan Malaysia dan menuntut lagi perolehan kuasa autonomi yang lebih besar kepada Singapura. Justeru itu, serangan terhadap Kerajaan Pusat melibatkan pelbagai isu seperti isu persekutuan yang sering kali dibangkitkan. Tindakan tersebut dibuat sebagai bentuk tekanan kepada Kerajaan Pusat bertujuan mendesak dan berharap supaya tuntutan yang dikemukakan Singapura dapat dipenuhi.⁶³ Perkara ini sebenarnya disadari Tu:

*Tunku had formed impression that Lee was deliberately sticking pins into Tunku to get him to negotiate and reach some agreement and that the more Lee did the less inclined Tunku was to negotiate.*⁶⁴

Meskipun terdapat kekecewaan Tunku terhadap tindakan Lee Kuan Yew, beliau tidak mudah menutup pintu rundingan kepada Lee Kuan Yew untuk mencapai persefahaman baru. Setelah tiga fasa melibatkan usaha rundingan membentuk perjanjian *political disengagement* yang berakhir pada April 1965 itu tidak berjaya mencapai sebarang bentuk persefahaman. Tunku akhirnya mula meninggalkan idea *disengagement* dan enggan lagi tunduk dengan tuntutan Lee Kuan Yew.⁶⁵ Sebaliknya pemimpin PAP itu tetap meneruskan tekanan kepada Kerajaan Pusat dalam pelbagai bentuk bagi mendapatkan kepentingan Singapura.⁶⁶

Provokasi dan Tekanan Politik Lee Kuan Yew

Kebuntuan mencapai *political disengagement* yang memihak kepada kepentingan Singapura telah mendorong Lee Kuan Yew mencetuskan provokasi sebagai bentuk tekanan kepada Kerajaan Pusat. Lee Kuan Yew sering melancarkan provokasi sepanjang tempoh rundingan *disengagement* yang juga dipengaruhi berdasarkan ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan Perikatan yang dianggap mahu meletakkan kedudukan Singapura dalam keadaan merugikan. Pada masa sama, tindakan mencetuskan provokasi ini telah meningkat kemarahan pemimpin UMNO dan permusuhan antara dua belah pihak.

Lee Kuan Yew telah mengkritik pentadbiran Tunku dengan membangkitkan isu dominasi kerajaan Persekutuan sebagai bentuk tekanan. Pentadbiran Tunku didakwa menjalankan pemerintahan berdasarkan dominasi Kerajaan Pusat yang berorientasikan corak dan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu:

*At these various talks his theme was constantly that in one way or another, the Federal Government were making it clear in everything they did, that they had no intention of seeking a "Malaysian" Malaysia, but were instead determined to make it a "Malayan" Malaysia.*⁶⁷

Dominasi kerajaan Pusat dikritik kerana memberi kesan menafikan kepentingan Singapura, Sabah dan Sarawak. Corak pentadbiran yang berorientasikan Persekutuan Tanah Melayu ini turut mewujudkan hegemoni Melayu ke atas wilayah lain yang tidak memiliki bilangan majoriti orang Melayu. Dakwaan mengenai dominasi Kerajaan Pusat tidak hanya memfokuskan hubungan antara

Kerajaan Pusat dan Singapura. Lee Kuan Yew turut sama menggunakan dakwaan mengenai campurtangan Kerajaan Pusat dalam soal politik di Sabah dan Sarawak. Bukan sahaja bagi memperkuat dakwaan, pendekatan Lee Kuan Yew mengangkat isu campurtangan di Sabah dan Sarawak adalah bagi meraih sokongan pemimpin di dua wilayah ini. Lantas, sokongan tersebut diharapkan dapat memperkuat tekanan kepada pentadbiran Tunku. Bagi situasi di Sabah, Lee Kuan Yew telah menggunakan ketidakpuasan hati Donald Stephens iaitu Ketua Menteri Sabah terhadap campur tangan Kerajaan Pusat yang menyokong USNO. Donald Stephens menyifatkan tindakan kepimpinan Kerajaan Pusat ini sebagai *federal betrayal*. Manakala pentadbiran Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak pula tidak begitu digemari pemimpin Kerajaan Pusat. Lee Kuan Yew menyuarakan kritikan tersebut secara terbuka di Singapura:

*Now the trouble is all around Sabah near crisis. Sarawak, today the Chief minister denies crisis. Penang Chief Minister has been attacked. Central government minister for commerce and industry has been attacked. Do you want to survive this way? No, this is silly. I say, looks, never mind about administrative powers. You cannot govern a country on the basis of just force, strong-arm force.*⁶⁸

Tindakan Lee Kuan Yew ini dipengaruhi berdasarkan rasa kurang senang terhadap cadangan peraturan percukaian baru ke atas Singapura. Berdasarkan cadangan ini, Kerajaan Pusat dikritik mahu melakukan kawalan ke atas Singapura terutamanya mengawal ekonomi Singapura. Justeru itu, pemimpin Singapura itu telah membangkitkan kritikan mengenai isu dominasi Kerajaan Persekutuan sebagai tindak balas ketidakpuasan hati dan bantahan terhadap cadangan ini. Tindakan tersebut berjaya membuatkan Kerajaan Pusat menangguh dahulu cadangan ini dan bersetuju untuk mengkaji semula.⁶⁹ Malah mengganggu perjanjian persefahaman *disengagement* yang telah dipersetujui pada masa itu. Walaupun begitu, hubungan baik yang mahu diusahakan melalui *disengagement* adalah tidak bermakna bagi Lee Kuan Yew jika terdapat tindakan Kerajaan Pusat yang merugikan Singapura.

Dalam tempoh *disengagement*, Lee Kuan Yew seterusnya bertindak melakukan provokasi yang dianggap melampaui batas kenyataannya iaitu menyebut orang Melayu sebagai kaum pendatang dan kelompok kaum yang baru dibentuk.⁷⁰ Kenyataan itu dibuat dengan merujuk kepada konteks Tanah Melayu dan Singapura yang mendakwa bahawa tiada satu daripada tiga kelompok kaum utama sama ada Melayu, Cina dan India yang menduduki tanah air ini lebih daripada 1000 tahun. Beliau merujuk kepada pengkajian sejarah yang mengatakan imigrasi Melayu ke “Malaysia” hanya berlaku sekitar 700 tahun lalu dan kira-kira satu pertiga daripada jumlah orang Melayu di Malaysia pada hari ini merupakan migrasi dari Indonesia.⁷¹ Dengan itu, beliau menegaskan bahawa tiada kaum di Malaysia termasuk kaum Melayu yang boleh dianggap lebih peribumi. Malah Lee Kuan Yew melakukan provokasi berlebihan dengan menganggap orang Cina adalah lebih layak dianggap sebagai peribumi berbanding orang Melayu. “*He (Lee) had argued that historically the Malays were in the main recent intruders and that most of the Chinese had a better claim to be regarded as the indigenous inhabitants*”.⁷² Lebih pula, Lee Kuan Yew dilihat cuba menakutkan orang Melayu berdasarkan tindakannya berulang kali menyuarakan bahawa kedudukan bilangan orang Melayu yang tidak lagi melebihi bilangan orang Cina.

Matlamat mewujudkan tekanan kepada Kerajaan Pusat ini telah mempengaruhi tindakan Lee Kuan Yew melakukan tindakan yang tidak wajar dan berlebihan. Tindakan provokasi yang menyentuh orang Melayu ini sememangnya begitu mudah mengundang emosi pemimpin politik Melayu. Keadaan ini berdasarkan, “*was inevitably seen by the Malays as threatening the very basis of their claims to supremacy. Moreover, Lee Kuan Yew public attacks on the Malay “ultras” and the Federal Government’s concept of a “Malay Malaysia”*”.⁷³ Tindakan Lee Kuan Yew ini telah meningkatkan

kemarahaan dan ketegangan konflik yang mengganggu pemimpin PAP itu memusuhi orang Melayu. Provokasi sebegini bukanlah kali pertama dilakukan Lee Kuan Yew. Dalam menghadapi konflik politik dengan pemimpin UMNO yang melancarkan serangan anti PAP dan anti Lee Kuan Yew pada sebelum ini. Lee Kuan Yew telah bertindak mengkritik dan menyebarkan dakwaan negatif mengenai pentadbiran Tunku sebagai Perdana Menteri Kerajaan Pusat. Pemimpin Singapura itu telah bertanggungjawab melakukan tindakan tersebut ketika lawatannya ke England pada September 1964.⁷⁴ Kritikan terhadap Kerajaan Pusat telah disuarakan melalui penulisan akhbar dan kenyataan terbuka. Penulisan akhbar di England telah digunakan Lee Kuan Yew untuk mengkritik pemerintahan Tunku dan kepimpinan UMNO. Akhbar *Sunday Telegraph* pada 13 September 1964 telah memuatkan penulisan editorial bertajuk “*The real Malaysian Crisis*” iaitu menyebut “*some fools who started the mess things up*” yang merujuk kepada tindakan pemimpin UMNO.⁷⁵ Penulisan ini mengkritik UMNO yang disebut sebagai punca berlakunya ketegangan antara kaum. Meskipun tindakan itu dinafikan, tetapi Pesuruhjaya Tinggi British Lord Head mempercayai penglibatan Lee Kuan Yew yang mengilhamkan penulisan rencana tersebut.

Lee Kuan Yew juga dipercayai bertanggungjawab mengeluarkan kenyataan menyerang pemimpin UMNO yang menguasai pentadbiran Kerajaan Pusat dan berniat mengkritik dominasi politik Melayu. Singapura dan kaum bukan Melayu di Malaysia telah didakwa menerima layanan tidak adil daripada Kerajaan Pusat yang didominasi pemerintahan orang Melayu. Dakwaan tersebut disampaikan Lee Kuan Yew kepada pelajar Malaysia di London dan wartawan asing. Kritikan dan dakwaan tidak benar itu telah menimbulkan kekeliruan serta membentuk pandangan tidak baik kepada Malaysia. Tunku mendapati kesan daripada perbuatan Lee Kuan Yew itu ketika lawatannya di England dan Perancis. Wartawan asing yang menemui Tunku telah menunjukkan prasangka tidak baik yang mempercayai dakwaan pemimpin Singapura itu.⁷⁶ Lee Kuan Yew ketika ucapannya di London turut membuat provokasi yang mencetuskan reaksi kekesalan pemimpin politik Melayu. Lee Kuan Yew didakwa mengkritik dasar Kerajaan Pusat dalam soal hak keistimewaan orang Melayu ketika berucap di hadapan pelajar Malaysia di London. *Reuter* mengeluarkan laporan ucapan tersebut, “*Malaysian survives or fails, depending on whether we set out to create a Malaysian nation or a Malay nation with special rights reserved for Malays*”.⁷⁷ Meskipun Lee Kuan Yew menafikan ada mengeluarkan kenyataan tersebut dan menafikan tuduhan berkenaan pendiriannya yang dikatakan menolak hak istimewa Melayu. Walau bagaimanapun, pemimpin UMNO tidak mempercayai penafian itu dan menyifatkan kenyataan tersebut sememangnya menjelaskan pendirian pemimpin Singapura itu yang menolak peruntukan hak keistimewaan orang Melayu. Timbul kekesalan kalangan pemimpin UMNO berdasarkan tindakan pemimpin Singapura yang dianggap bertindak di luar batasan dalam usahanya mewujudkan tekanan kepada Kerajaan Pusat. Malah, tindakan ini lebih meningkatkan konflik permusuhan politik dengan menarik perhatian kumpulan pemimpin “ultra” dalam UMNO.

Kenyataan Lee Kuan Yew yang menyentuh sensitiviti orang Melayu ini telah bermula sebelum tempoh *disengagement* lagi. Tindakan ini dipengaruhi reaksi balas dalam menghadapi konflik politik dengan kumpulan pemimpin “ultra” UMNO yang melancarkan kempen serangan anti PAP dan anti Lee Kuan Yew. Provokasi sama yang menyentuh soal orang Melayu ini kemudian diteruskan dalam memberikan tekanan kepada Kerajaan Pusat agar dapat memenuhi kepentingan Singapura melalui perjanjian *disengagement*. Beliau tidak mengendahkan reaksi negatif pemimpin politik Melayu yang mengecam tindakannya menyentuh soal orang Melayu. Malah beliau sedar bahawa bentuk provokasi tersebut akan lebih mencetuskan reaksi negatif pemimpin UMNO dan pada masa sama mendesak Kerajaan Pusat untuk bersedia bekerjasama mencapai *disengagement* bagi menyelesaikan ketegangan politik antara dua belah pihak. Sehubungan itu, provokasi menyentuh soal orang Melayu yang digunakan iaitu melibatkan isu dominasi politik Melayu, peruntukan hak istimewa dan pertikaian terhadap kedudukan orang Melayu sebagai pribumi telah digunakan sebagai langkah memperkuatkan

tekanan. Menerusi pendekatan ini diharapkan dapat menimbulkan kebimbangan pemimpin UMNO dan seterusnya memaksa untuk akur menerima tuntutan *disengagement* yang memihak Singapura. Provokasi yang menyentuh soal orang Melayu ini bukan sahaja sekadar kritikan mewujudkan tekanan bertujuan mendapatkan kepentingan Singapura. Tetapi tindakan ini menjelaskan pandangan Lee Kuan Yew yang tidak bersetuju dengan dominasi politik Melayu.

Perjuangan Konsep Malaysian Malaysia dan Matlamat Memulihkan Kepentingan

Hasrat PAP mendapatkan *political disengagement* yang diharapkan oleh Lee Kuan Yew sering menghadapi kebuntuan dalam mencapai persefahaman bersama. Kebuntuan tersebut membuatkan pemimpin PAP itu mula mengubah pendekatan bagi meningkatkan tekanan kepada Kerajaan Pusat. Sementara itu, Lee Kuan Yew tidak hanya mengharap *disengagement* semata setelah sering kali menghadapi kebuntuan untuk mencapai persefahaman yang dapat menjamin kepentingan Singapura. Beliau dilihat mula mengambil pendekatan lain sebagai alternatif jika bentuk rundingan *disengagement* masih tidak berjaya tercapai.⁷⁸

Lee Kuan Yew beralih kepada alternatif baru apabila timbul keyakinan bahawa PAP mampu meninggalkan *disengagement* yang tidak memberi kepastian. Alternatif tersebut ialah dengan membentuk kerjasama parti-parti pembangkang bagi memberikan tekanan kepada Kerajaan Pusat. Terdapat perkhabaran mengenai usaha membentuk kerjasama antara parti politik dalam mengangkat kepentingan golongan bukan Melayu di Malaysia.⁷⁹ Perkhabaran timbul sejak pertemuan Lee Kuan Yew bersama Donald Stephens pada Disember 1964. Meskipun tiada perbincangan lanjut, tindakan itu disifatkan sebagai gambaran awal kepada idea Lee Kuan Yew dalam mendapat keyakinan bagi membentuk sebuah gabungan yang menolak dominasi politik Melayu dan mengangkat kepentingan politik masyarakat pelbagai kaum.⁸⁰

Terdapat sebuah pertemuan secara tertutup telah diataskan PAP pada 12 Februari 1965 di Rumah Temasek, Singapura yang dihadiri oleh wakil daripada enam parti pembangkang.⁸¹ Pertemuan ini merupakan asas pembentukan MSC yang membincangkan usul untuk membentuk sebuah gabungan politik bersifat nasional. Manakala pertemuan kali kedua pula diataskan dilokasi sama pada 1 Mac 1965.⁸² Lee Kuan Yew menggunakan pertemuan ini bagi memberi isyarat kepada Tunku agar dapat memikirkan semula pendiriannya terhadap *disengagement*. Lebih tepat lagi, pertemuan ini disifatkan sebagai langkah untuk mengancam Kerajaan Pusat agar kepentingan Singapura melibatkan tuntutan autonomi seperti perolehan bidang kuasa kawalan keselamatan dalam negeri kepada Singapura dapat dipersetujui. Beliau sendiri secara sengaja mahukan tindakannya yang mengaturkan pertemuan ini sampai ke pengetahuan pemimpin Kerajaan Pusat. Sebuah dokumen melaporkan perkara ini, "*it is possible that his object is to frighten them into agreeing to his other proposals by means of this threat of a really big row if they reject his terms*".⁸³ Lee Kuan Yew dikenali sebagai seorang pemimpin yang memiliki strategi politik licik untuk mencapai sesuatu. Dalam situasi ini, beliau menggunakan rancangan pembentukan gabungan parti politik yang memperjuangkan konsep kepelbagaian kaum sebagai bentuk ancaman kepada idea politik Melayu.⁸⁴ Pendekatannya, "*This Lee thought would eventually drive the Tunku into a position where he would be only too glad to have some form of political disengagement*".⁸⁵ Oleh itu, Lee Kuan Yew tidak putus memberikan tekanan kepada Kerajaan Pusat bagi memastikan *disengagement* yang memenuhi kepentingan Singapura dapat tercapai.

Tindakan Lee Kuan Yew mengaturkan pertemuan secara tertutup bersama beberapa wakil pimpinan politik di Singapura sememangnya bukan lagi rahsia dan sudah diketahui dalam kalangan pemimpin utama Kerajaan Pusat. Namun tiada kritikan secara terus dikeluarkan oleh Tunku dan mana-mana pemimpin utama Kerajaan Pusat pada tempoh tersebut. Meskipun terdapat kekecewaan Tunku terhadap tindakan Lee Kuan Yew, beliau tidak menutup pintu rundingan bersama

Lee Kuan Yew untuk mencapai persefahaman baru. Akan tetapi sebagaimana telah dibincangkan bahawa pertemuan yang diakan pada April 1965 itu gagal mencapai sebarang bentuk persefahaman sehingga menyebabkan Tunku akhirnya mula meninggalkan idea *disengagement*.⁸⁶ Kebuntuan untuk memastikan Tunku bersetuju dengan tuntutan yang dikemukakan telah membuatkan PAP bertindak meneruskan rancangan pembentukan gabungan politik bagi memberikan tekanan kepada Kerajaan Pusat.⁸⁷

Langkah Lee Kuan Yew memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia yang diperkuatkan bersama sokongan parti politik lain akhirnya bukan sekadar bertujuan mewujudkan perkhabaran “ugutan” atau “ura-ura” untuk sekadar memberi ancaman kepada Kerajaan Pusat dan politik Melayu. Akan tetapi, usaha membentuk gabungan ini merupakan salah satu daripada alternatif yang dirancang Lee Kuan Yew untuk menambah tekanan kepada Kerajaan pusat dan hanya menunggu masa tepat untuk diperkenalkan secara rasmi. Malah, tidak semua pemimpin PAP bersetuju untuk menjadikan MSC hanya sebagai pendekatan mewujudkan tekanan bagi mendapatkan *disengagement* semata. Sebaliknya kebanyakan pemimpin PAP mahu melancarkan serangan secara besar-besaran dan berterusan sebagai parti pembangkang.⁸⁸

Akhirnya, idea pembentukan sebuah gabungan parti politik telah dijemakan dengan pembentukan *Malaysian Solidarity Convention (MSC)*. Gabungan ini terbentuk secara rasmi pada 9 Mei 1965 melibatkan gabungan lima buah parti iaitu PAP, UDP, PPP, SUPP dan Machinda.⁸⁹ Pembentukan gabungan ini telah dipersetujui melibatkan pertemuan wakil-wakil pemimpin parti politik yang hadir di Sri Temasik, Singapura.⁹⁰ Pembentukan MSC meletakkan matlamat memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia iaitu sebuah idea pembentukan negara bercorak kepelbagaian kaum dan menolak dominasi sesuatu kaum dengan bersama mengangkat kepentingan kaum lain.⁹¹ Konsep Malaysian Malaysia yang digagaskan ini memperlihatkan perkaitan dengan matlamat Lee Kuan Yew yang selama ini berusaha memulihkan kepentingan Singapura. Pertama sekali, dapat diteliti bahawa perjuangan Malaysian Malaysia dan pembentukan MSC adalah merupakan reaksi daripada rentetan konflik politik PAP yang memimpin pemerintahan Singapura dan Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur yang dipimpin UMNO. Hasrat Lee Kuan Yew yang mahu mendapatkan kepentingan Singapura dengan mula terlibat dalam politik Persekutuan telah mencetuskan permusuhan. Matlamat mendapatkan kepentingan Singapura bermula dengan penglibatan dalam pilihan raya Persekutuan. Manakala kesukaran dalam meletakkan PAP menjadi sebahagian dalam Kerajaan Pusat telah mendorong Lee Kuan Yew menggunakan rundingan *disengagement* untuk mendapatkan kepentingan Singapura. Setelah usaha mewujudkan tekanan kepada Kerajaan Pusat tidak berhasil mempengaruhi Tunku untuk bersetuju dengan tuntutan yang memihak kepada Singapura. Lee Kuan Yew telah beralih kepada bentuk tekanan baru iaitu dengan menggagaskan konsep Malaysian Malaysia bersama pembentukan MSC.

Konsep Malaysian Malaysia digagaskan sebagai provokasi kepada Kerajaan Pusat yang didominasi oleh pemimpin UMNO. Lee Kuan Yew sedar akan dominasi politik Melayu diperingkat politik Persekutuan.⁹² Faktor tersebut menyukarkan beliau mencapai cita-cita politik sama ada melalui bentuk bekerjasama dengan UMNO atau berusaha memperluaskan pengaruh PAP untuk menduduki politik Persekutuan secara bersendirian dengan terdapatnya dominasi politik Melayu. Justeru itu, Malaysian Malaysia sebagai sebuah konsep yang mengangkat kepentingan pelbagai kaum dijadikan sebagai lawan kepada idea politik Melayu yang mempertahankan dominasi dan kepentingan orang Melayu. Idea Lee Kuan Yew ini dijelaskan, “*Lee Kuan Yew thesis is quite simply that either Malaysia will be truly Malaysian and politics will be communal or Malaysia will cease to exist*”.⁹³ Dalam memperkuatkan tekanan, pembentukan MSC yang memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia telah mendapat sokongan kalangan parti bercorak pelbagai kaum diseluruh Malaysia. Pendekatan ini disifatkan sebagai langkah untuk menentang dan memecahkan dominasi politik Melayu.

Kesimpulan

Hasrat Lee Kuan Yew untuk mendapatkan kepentingan Singapura dan kepentingan politik PAP merupakan faktor yang membawa kepada perjuangan konsep Malaysian Malaysia. Hasrat mendapatkan kepentingan ini telah mempengaruhi konflik politik antara PAP sebagai pemerintah Singapura dan Perikatan yang memegang kuasa pentadbiran Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun konflik permusuhan ini lebih tertumpu kepada PAP dan UMNO yang mendominasi pentadbiran Kerajaan Pusat. Konflik bermula dengan penglibatan PAP dalam pilihan raya Persekutuan yang mencetuskan ketegangan politik berikutan reaksi serangan balas daripada kelompok pemimpin UMNO sehingga mengheret isu perkauman. Ketegangan politik ini telah membawa kepada idea *political disengagement* yang diusulkan sebagai usaha membentuk perdamaian politik dan prospek kerjasama antara dua belah pihak. Pada masa sama, Lee Kuan Yew menggunakan rundingan *disengagement* bagi mendapatkan kepentingan Singapura. Akan tetapi usaha Lee Kuan Yew mendapatkan kepentingan Singapura menghadapi kebuntuan. Provokasi yang ditimbulkan sebagai bentuk tekanan kepada Kerajaan Pusat tetap tidak berjaya mempengaruhi Tunku untuk tunduk menerima tuntutan Lee Kuan Yew. Diakhirnya, perjuangan konsep Malaysian Malaysia telah digagaskan sebagai provokasi berterusan bagi meningkatkan tekanan kepada Kerajaan Pusat. Tekanan ditingkatkan dengan mengangkat konsep Malaysian Malaysia sebagai sebuah idea yang bertentangan dengan idea politik Melayu. Perjuangan konsep ini pula diperkuatkan dengan pembentukan sebuah gabungan politik parti pembangkang yang bercorak pelbagai kaum.

Nota

¹ Muhammad Hafiz Isa dan Mohd bin Samsudin, *Malaysian Solidarity Convention (MSC): Pembentukan dan Perjuangan terhadap konsep Malaysian Malaysia, 1965-1966*, *Akademika*, 91(3), 2021, hlm. 42-45.

² DO 169/529: *Communal Relations in Malaysia and Relations between the Central Government and the New States*, 3 March 1965.

³ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016, hlm. 302.

⁴ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 194.

⁵ Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, Times Editions, Singapore, 1998, hlm. 476.

⁶ DO 169/527: British High Commission, 23 December 1964. Tan Siew Sin bersetuju untuk menyemak semula dasar baru tersebut setelah mendapat bantahan daripada Singapura. Sila lihat, Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 316.

⁷ Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, 1998, hlm. 516.

⁸ Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, 1998, hlm. 477.

⁹ DO 169/28: No. 363, *Greater Malaysia*, 1 September 1961.

¹⁰ Tan Tai Yong, *Creating "Creating Malaysia: Decolonization and the Politics of Merger*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 2008, hlm. 98-101.

¹¹ Tan Tai Yong, *Creating "Creating Malaysia: Decolonization and the Politics of Merger*, 2008, hlm. 94-95.

¹² Rancangan kerakyatan terhad telah disediakan oleh sebuah jawatankuasa iaitu unit Hal Ehwal Luar, berada di bawah Jabatan Perdana Menteri yang merancang sebarang cadangan pembentukan Malaysia terutamanya melibatkan kedudukan Singapura. Jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai kanan Pejabat Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan Pertahanan serta Tun Razak sebagai pemantau. Sila lihat, Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 162-163.

¹³ Singapura hanya ditawarkan sebanyak 12 kerusi parlimen. Bilangan ini adalah bagi mengurangkan pengaruh politik Singapura diperingkat Persekutuan. Lee Kuan Yew pada awalnya menerusi satu kertas putih bentuk rangka gabungan Singapura telah menuntut sebanyak 14 kerusi di parlimen. Bilangan wakil Singapura di parlimen tidak diberikan jumlah yang banyak kerana kedudukan istimewa Singapura yang memiliki kuasa autonomi melibatkan beberapa bidang kuasa Persekutuan seperti percukaian, pelajaran dan buruh. Sila lihat, DO 169/29: Merger Proposals.

¹⁴ Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 188.

¹⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri dalam Daging: Singapura dalam Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 62-63.

¹⁶ DO 169/530: Guidance Survey 19/65. Malaysia: Federal/State Relations.

¹⁷ DO 169/529: The Malayan Times, 25 February 1965

¹⁸ DO 169/528: Relations between the Federal Government in Kuala Lumpur and the Singapore State Government and the Possibilities for any British Initiative to Improve the present Situation. (Note for the Secretary of State).

¹⁹ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 305.

²⁰ DO 169/527: Singapore Government Press Statement: Text of Prime Minister Speech to the Khek Community Guild and other civic organisations at a Dinner on 17 March, 1964, at 8.00 p.m. 4.

²¹ DO 169/527: Note for the Record, Discussion with the Prime Minister of Singapore on 31 March 1964.

²² Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 303.

²³ Albert Lau, *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*, Times Academic Press: Singapore, 1998, hlm. 95.

²⁴ DO 169/426: PAP and Malayan Elections.

²⁵ DO 169/426: PAP and Malaysian Elections.

²⁶ DO 169/426: The Election Campaign, 18 April 1964.

²⁷ DO 169/527: Note for the Record, Discussion with the Prime Minister of Singapore on 31 March 1964.

²⁸ DO 169/426: PAP and Malayan Elections (see Singapore Summary 12 – 24 March).

²⁹ DO 169/426: Telegram to Commonwealth Relations Office, No. 85, PAP Participation in Malayan Elections and Lee Kuan Yew's Visit to the United States.

³⁰ DO 169/426: The Election Campaign, 18 April 1964.

³¹ Lee Kuan Yew mengatakan bahawa jika Goh Keng Swee dapat menggantikan Tan Siew Sin sebagai Menteri Kewangan, beliau sendiri akan bersedia untuk menerima portfolio daripada Menteri Luar Negeri. Sila lihat, DO 169/426: No. 8: PAP Participation in Malayan Elections and Lee Kuan Yew's Visit to the United States, 16 March 1964.

³² DO 169/527: Singapore Government Press Statement: Text of Prime Minister Speech to the Khek Community Guild and Other Civic Organisations at a Dinner on 17 March, 1964, at 8.00 p.m. 4.

³³ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 309.

³⁴ Tan Tai Yong, *Creating "Creating Malaysia: Decolonization and the Politics of Merger"*, 2008, hlm. 195.

³⁵ DO 169/426: Telegram to Commonwealth Relations Office, No. 85, PAP Participation in Malayan Elections and Lee Kuan Yew's Visit to the United States.

³⁶ PAP memenangi satu kerusi parlimen menerusi kemenangan Devan Nair di Bangsar dengan kelebihan undi sebanyak 808. Sila lihat, Jabatan Penerangan Malaysia, Pilihan Raya Parlimen dan Negeri 1964, Keputusan dan Perkiraan undi, Kuala Lumpur, Mei 1964.

³⁷ DO 169/527: British High Commission, 30th September 1964.

³⁸ Rusuhan tersebut berlarutan dalam tempoh seminggu dan mencatatkan 22 kematian dan 500 yang tercedera. Sila lihat, DO 169/527: Telegram no. 1362 to Commonwealth Relations Office, 3 August 1964.

³⁹ The Winds of Change Will Come Back, *The Straits Times*, 27 April 1964, hlm 11.

- ⁴⁰ Jabatan Penerangan Malaysia, Pilihan Raya Parlimen dan Negeri 1964, Keputusan dan Perkiraan undi, Kuala Lumpur, Mei 1964.
- ⁴¹ DO 169/529: Increasing Malay-Chinese Rivalry in Malaysia, 9 April 1965.
- ⁴² DO 169/527: Inward Telegram to Commonwealth Relations Office, No. 536, Secret, 17 March 1964.
- ⁴³ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 301.
- ⁴⁴ DO 169/527: Telegram no. 1362 to Commonwealth Relations Office, 3 August 1964.
- ⁴⁵ DO 169/527: British High Commission, 30 September 1964.
- ⁴⁶ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 315.
- ⁴⁷ DO 169/527: British High Commission, 22 October 1964.
- ⁴⁸ DO 169/527: British High Commission, 22 October 1964.
- ⁴⁹ DO 169/527: British High Commission, 23 December 1964. Pembaharuan percukaian turut melibatkan kadar sebanyak dua peratus cukai daripada pendapatan syarikat, pendapatan pengusaha perniagaan dan perniagaan rumah ke rumah di Singapura. Sila lihat, Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 316.
- ⁵⁰ Tan Siew Sin mempertahankan bentuk percukaian baru ini kerana beralasan Singapura merupakan negeri paling ringan dibebani kadar cukai baru ini. Sila lihat, Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 316-317.
- ⁵¹ DO 169/527: British High Commission, 23 December 1964.
- ⁵² Perkembangan pada masa ini, terdapat ketegangan berikutan desakan kumpulan orang Cina yang menuntut liberalisasi pendidikan bagi membenarkan penubuhan kolej khusus untuk orang Cina di Tanah Melayu. Manakala orang Melayu terutamanya ahli-ahli UMNO menentang tuntutan tersebut. Sila lihat, Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 319.
- ⁵³ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 319.
- ⁵⁴ Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, 1998, hlm. 476-577.
- ⁵⁵ DO 169/526: British High Commission, 29 December 1964.
- ⁵⁶ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 326.
- ⁵⁷ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 326-327.
- ⁵⁸ DO 196/530: Guidance Survey 19/65. Malaysia: Federal/State Relations.
- ⁵⁹ PREM 13/430: Addressed to C.R.O. telegram no. 360 of 4 March.
- ⁶⁰ DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee, Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations, June 1965.
- ⁶¹ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 331-332.
- ⁶² DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee, Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations, June 1965.
- ⁶³ DO 169/530: Guidance Survey 19/65, Malaysia: Federal/state Relations.
- ⁶⁴ PREM 13/430: Addressed to C.R.O. telegram No. 360 of 4 March.
- ⁶⁵ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 331-332.
- ⁶⁶ DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee, Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations, June 1965.
- ⁶⁷ DO 169/527: British High Commission, 23 December 1964.
- ⁶⁸ DO 169/ 528: Transcript of Prime Minister's Speech at the Mass Rally at the 6th M.S. Upper Serangoon Road Market, during his visit to the Punggol Constituency on Sunday, the 24 of January, 1965.
- ⁶⁹ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 316-317.
- ⁷⁰ DO 169/529: British High Commission, 11 May 1965.
- ⁷¹ DO 169/529: Guardian, Malaysian Animosity in Open Again: Plans for United Opposition, 1 May 1995.
- ⁷² DO 169/529: N. Pritchard, Relations between Kuala Lumpur and Singapore, 3 March 1965.
- ⁷³ DO 169/530: Guidance Survey 19/65, Malaysia: Federal/state Relations.

- ⁷⁴ DO 169/526: British High Commission, 21 September 1964.
- ⁷⁵ DO 169/527: British High Commission, 30 September 1964.
- ⁷⁶ Rozeman Abu Hassan, *Dasar British terhadap Hubungan Singapura-Malaysia 1959 - 1969*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016, hlm. 256.
- ⁷⁷ DO 169/526: British High Commission, 30 September 1964.
- ⁷⁸ DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee, Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations, June 1965.
- ⁷⁹ DO 169/527: British High Commission, December 23 1964.
- ⁸⁰ PREM 12/429: Note of a meeting between the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kwan Yew and Mrs. Lee Kwan Lew, the Deputy Secretary of State for Defence and Mrs. Mulley, Mr. J. Dromgoole, Mr. Moore, on 9 January 1965.
- ⁸¹ Pertemuan secara tertutup ini telah dihadiri oleh wakil daripada enam parti pembangkang, iaitu Rajaratnam dari PAP, Dr. Lim Chong Eu mewakili *United Democratic Party* (UDP), D.R. Seenivasagam dari *People's Progressive Party* (PPP), Ong Kee Hui sebagai pemerhati dari *Sarawak United Peoples' Party* (SUPP), seorang wakil yang tidak disebut nama dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan dua wakil pemimpin *United Pasokmomogun Kadazan Organisation* (UPKO). Sila lihat, DO 169/529: Communal Relations in Malaysia and Relations Between the Central Government and the New States, 3 March 1965.
- ⁸² Pemimpin yang hadir dalam pertemuan ini ialah Lee Kuan Yew, Toh Chin Chye, Rajaratnam dan Devan Nair yang mewakili PAP bersama Lim Chong Eu, D.R. Seenivasagam, Ong Kee Hui Stephens Yong dan Donald Stephen bersama dua pemimpin UPKO lain. Perbincangan ini meletakkan perancangan untuk melancarkan MSC kepada umum yang dijangka pada April atau Mei, sila lihat, Albert Lau, *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*, 1998, hlm. 233.
- ⁸³ DO 169/529: N. Pritchard, Relations between Kuala Lumpur and Singapore, 3 March 1965.
- ⁸⁴ DO 169/529 No. 360: Relations with Singapore, 4 March 1965.
- ⁸⁵ DO 169/529: No. 133: Singapore/Centre Relations, 5 May 1965.
- ⁸⁶ Mohd Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, 2016, hlm. 331-332.
- ⁸⁷ DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee, Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations, June 1965.
- ⁸⁸ Albert Lau, *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*, 1998, hlm. 234.
- ⁸⁹ Fail PDRM, SR/88: Annex B, Malaysian Solidarity Convention.
- ⁹⁰ Fail PDRM, SR/88: Annex A. Bilangan: (M)SF.133/46/896(Y) Vol. 4, Penolong Kanan Pesuruhjaya "D", Negeri-Negeri Tanah Melayu, Malaysian Solidarity Convention (MSC).
- ⁹¹ Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Bin Samsudin, Malaysian Solidarity Convention (MSC): Pembentukan dan Perjuangan terhadap konsep Malaysian Malaysia, 1965-1966, 2021, hlm. 44.
- ⁹² DO 169/530: Meeting between Prime Minister and Tunku Abdul Rahman, Brief for the Prime Minister.
- ⁹³ DO 169/529: Communal Relations in Malaysia and Relations Between the Central Government and the New States, 3 March 1965.

Rujukan

- Albert Lau. 1998. *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*. Singapore: Times Academic Press.
- DO 169/28: No. 363. Greater Malaysia. 1 September 1961.
- DO 169/29: Merger Proposals.
- DO 169/426: PAP and Malaysian Elections.
- DO 169/426: Telegram to Commonwealth Relations Office. No. 85, PAP Participation in Malayan Elections and Lee Kuan Yew's Visit to the United States.

Konsep Malaysian Malaysia sebagai Tekanan Politik Mendapatkan Kepentingan Singapura

- DO 169/426: No. 8: PAP Participation in Malayan Elections and Lee Kuan Yew's Visit to the United States. 16 March 1964.
- DO 169/426: The Election Campaign. 18 April 1964.
- DO 169/526: British High Commission. 21 September 1964.
- DO 169/526: British High Commission. 30 September 1964.
- DO 169/526: British High Commission. 29 December 1964.
- DO 169/527: Inward Telegram to Commonwealth Relations Office. No. 536 Secret. 17 March 1964.
- DO 169/527: Singapore Government Press Statement: Text of Prime Minister Speech to the Khek Community Guild and Other Civic Organisations at a Dinner on 17 March, 1964, at 8.00 p.m. 4.
- DO 169/527: Note for the Record. Discussion with the Prime Minister of Singapore on 31 March 1964.
- DO 169/527: Telegram no. 1362 to Commonwealth Relations Office. 3 August 1964.
- DO 169/527: British High Commission. 30 September 1964.
- DO 169/527: British High Commission. 22 October 1964.
- DO 169/527: British High Commission. 23 December 1964.
- DO 169/528: Relations between the Federal Government in Kuala Lumpur and the Singapore State Government and the Possibilities For Any British Initiative to Improve the Present Situation. (Note for the Secretary of State).
- DO 169/ 528: Transcript of Prime Minister's Speech at the Mass Rally at the 6th M.S. Upper Serangoon Road Market, During His Visit to the Punggol Constituency on Sunday. 24 of January, 1965.
- DO 169/529: The Malaysian Times. 25 February 1965.
- DO 169/529: Communal Relations in Malaysia and Relations between the Central Government and the New States. 3 March 1965.
- DO 169/529: N. Pritchard, Relations between Kuala Lumpur and Singapore. 3 March 1965.
- DO 169/529: No. 360. Relations with Singapore. 4 March 1965.
- DO 169/529: Increasing Malay-Chinese Rivalry in Malaysia. 9 April 1965.
- DO 169/529: Guardian. Malaysian Animosity in Open Again: Plans for United Opposition. 1 May 1995.
- DO 169/529: No. 133. Singapore/Centre Relations. 5 May 1965.
- DO 169/529: British High Commission. 11 May 1965.
- DO 169/530: Defence and Oversea Policy Committee. Memorandum by the Secretary of State for Commonwealth Relations. June 1965.
- DO 169/530: Guidance Survey 19/65. Malaysia: Federal/state Relations.
- DO 169/530: Meeting between Prime Minister and Tunku Abdul Rahman, Brief for the Prime Minister. Fail PDRM. SR/88: Annex A. Bilangan: (M)SF.133/46/896(Y) Vol. 4, Penolong Kanan Pesuruhjaya "D", Negeri-Negeri Tanah Melayu, Malaysian Solidarity Convention (MSC).
- Fail PDRM. SR/88: Annex B. Malaysian Solidarity Convention.
- Jabatan Penerangan Malaysia. Mei 1964. Pilihan Raya Parlimen dan Negeri 1964. Keputusan dan Perkiraan undi. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Lee, Kuan Yew. 1998. *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Editions.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961- 1966: Penubuhan dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Hafiz Isa dan Mohd Samsudin. 2021. "Malaysian Solidarity Convention (MSC): Pembentukan dan Perjuangan terhadap konsep Malaysian Malaysia, 1965-1966," *Akademika* 91, no. 3: 39-52.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. *Duri dalam Daging: Singapura dalam Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- PREM 12/429: Note of a Meeting between the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kwan Yew and Mrs. Lee Kwan Lew, the Deputy Secretary of State for Defence and Mrs. Mulley, Mr. J. Dromgoole, Mr. Moore, on 9 January 1965.
- PREM 13/430: Addressed to C.R.O. Telegram no. 360 of 4 March.
- Rozeman Abu Hassan. 2016. *Dasar British terhadap Hubungan Singapura-Malaysia 1959- 1969*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, Tai Yong. 2008. *Creating Malaysia: Decolonization and the Politics of Merger*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- The Winds of Change Will Come Back," *The Straits Times*, 27 April 1964.